

**UCAPAN PANGLIMA TENTERA LAUT SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN DAN  
PENERIMAAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS LIMA (5) PADA 22 JAN 16  
(JUMAAT) DI JETI PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU**

مَسْبُوحٌ لِلَّهِ نَمَحْرًا مَبْحَرًا

SEGALA PUJI DAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHAANAHU WATA'ALA,  
TUHAN SEKALIAN ALAM, SERTA SELAWAT DAN SALAM KE ATAS  
JUNJUNGAN KITA, NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM,  
PARA SAHABAT DAN KELUARGA BAGINDA.

YANG BERBAHAGIA ENCIK YEE YANG CHIEN, PRESIDEN *MALAYSIAN  
INTERNATIONAL SHIPPING CORPORATION* (MISC) BERHAD;

LAKSAMANA-LAKSAMANA, DATO'-DATO', DELEGASI-DELEGASI MISC,  
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TLDM, RAKAN-RAKAN MEDIA DAN PARA  
JEMPUTAN, SERTA WARGA *THE NAVY PEOPLE* YANG SAYA HORMATI  
SEKALIAN;

مَلَا سَلَامًا مَكِيَّةً مَحْرُورًا مَتَا كَرِيْبًا

DAN SALAM SEJAHTERA.

1. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA  
KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN RAHMATNYA, DAPAT KITA  
BERKUMPUL BERSAMA-SAMA PADA PAGI INI BAGI MENYAKSIKAN MAJLIS  
PENYERAHAN DAN PENERIMAAN, KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS LIMA (5)  
ATAU NAMA SINGKATANNYA KA BM 5 KEPADA TLDM.

**PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

**2. UPACARA PENYERAHAN DAN PENERIMAAN KAPAL AUXILIARY TLDM BUNGA MAS LIMA (5) PADA HARI INI, MEMAHAT SATU LAGI PERISTIWA YANG AMAT BERSEJARAH BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) DAN *MALYSIAN INTERNATIONAL SHIPPING COMPANY* (MISC). KEDUA-DUA PIHAK SEKALI LAGI TELAH BERJAYA MENJALINKAN PERSEFAHAMAN SEMENJAK KERJASAMA DALAM PENUGASAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS LIMA (5) BAGI OP FAJAR DI TELUK ADEN DAN OP PASIR DI PERAIRAN SABAH TIMUR. TLDM DAN MISC BERHAD TELAH MENCAPAI PERSETUJUAN UNTUK KA BM 5 DISERAHKAN KEPADA TLDM TANPA SEBARANG KOS. UNTUK MAKLUMAN HADIRIN SEKALIAN, ANGGARAN NILAI SEMASA KA BM 5 ADALAH SEBANYAK RM 30 JUTA. OLEH YANG DEMIKIAN, KEMASUKAN KA BM 5 TELAH MENJIMATKAN KOS PERBELANJAAN NEGARA UNTUK MEMBELI ASET BARU BAGI MENYOKONG OPERASI MARITIM. KEHADIRAN KA BM 5 DALAM INVENTORI TLDM AKAN MEMBERI IMPAK YANG POSITIF KEPADA OPERASI TLDM KHASNYA DAN ATM AMNYA.**

**3. JUSTERU, PENYERAHAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS LIMA (5) SEBAGAI ASET TLDM KINI MENJADI KEMUNCAK KERJASAMA YANG ERAT ANTARA KEDUA-DUA ORGANISASI. PENYERAHAN KAPAL INI DIHARAP MAMPU MENANGANI MASALAH KEKANGAN ASET YANG DIHADAPI OLEH TLDM TERUTAMANYA ASET LOGISTIK TLDM YANG KINI HANYA MEMPUNYAI DUA KAPAL IAITU KD MAHAWANGSA DAN KD INDERA SAKTI.**

**PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

**4. SAYA INGIN MEMAKLUMKAN SERBA SEDIKIT TENTANG SEJARAH PENGOPERASIAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS 5. KERJASAMA DALAM MENANGANI ANCAMAN AKTIVITI PELANUNAN DI TELUK ADEN MERUPAKAN PERMULAAN KERJASAMA STRATEGIK DAN PINTAR DI ANTARA TLDM DENGAN MISC. MISC SETERUSNYA TELAH MENGUBAHSUAI BM 5 MENJADI KAPAL AUXILIARY TLDM. UNTUK REKOD, SEJAK OP FAJAR DILAKSANAKAN, TIADA INSIDEN PENAWANAN LANUN TERHADAP KAPAL MISC BERLAKU, KECUALI INSIDEN YANG HAMPIR TERJADI KEPADA KAPAL MT BUNGA LAUREL. DALAM KEJADIAN TERSEBUT, KETANGKASAN TINDAKAN TIM OP FAJAR 8 YANG MELIBATKAN PASUKAN PERLINDUNGAN KHAS (PPK) ATM, BERJAYA MENGGAGALKAN CUBAAN LANUN UNTUK MENAWAN KAPAL TERSEBUT. KEJAYAAN INI AMAT MEMBANGGAKAN BAGI TLDM DAN ATM.**

**5. SEPANJANG PERLAKSANAAN OP FAJAR JUGA, KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS 5 TELAH BERJAYA MENGIRINGI 150 BUAH KAPA-KAPAL DAGANG MISC DAN 30 BUAH KAPAL ASING YANG MENYERTAI KONVOI. DIANGGARKAN NILAI BARANGAN YANG BERJAYA DIIRINGI DENGAN SELAMAT ADALAH BERJUMLAH 100 BILLION DOLAR SEMENJAK TAHUN 2009. DI SAMPING ITU, MELALUI PENGOPERASIAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS 5 JUGA, TLDM TELAH BERJAYA MENJIMATKAN WANG KERAJAAN SEJUMLAH RM 3 JUTA SEBULAN DARI ASPEK KOS PENGOPERASIAN KAPAL TLDM. PENUGASAN KAPAL AUXILIARY BUNGA**

**MAS LIMA (5) DALAM 24 SIRI OP FAJAR SEJAK 2008 BAGI MENJAMIN KESELAMATAN KAPAL-KAPAL MISC YANG MELALUI TELUK ADEN, DAN PENUGASAN SETERUSNYA DI OP PASIR SEBAGAI PANGKALAN LAUT SEMENJAK JULAI 2014 SEHINGGA JUN 2015, TELAH MEMBUKTIKAN KOMITMEN TLDM DAN MISC DALAM MEMBENTUK KERJASAMA STRATEGIK BAGI MENINGKATKAN ASPEK KESELAMATAN MARITIM NEGARA, SYABAS SAYA UCAPKAN.**

**PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

**6. PENYERAHAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS 5 OLEH MISC KEPADA TLDM ADALAH SATU MANIFESTASI KEPADA HUBUNGAN TENTERA DAN AWAM ATAU *CIVIL-MILITARY-COOPERATION* DAN MENANDAKAN USAHA SECARA BERSAMA-SAMA DALAM MENYOKONG TINDAKAN KE ARAH KEAMANAN DAN KESTABILAN SEJAGAT. KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS 5 INI TELAH DIUBAHSUAI UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI SEBUAH PLATFORM YANG SESUAI BAGI MELAKSANAKAN OPERASI KETENTERAAN INI. ANTARA PENAMBAHAN DAN PENGUBAHSUAIAN YANG TELAH DILAKSANAKAN IALAH PENUKARAN WARNA KAPAL MENGIKUT SPESIFIKASI WARNA KAPAL TLDM, PENAMBAHAN KEMUDAHAN RUANG PENGINAPAN, SIMPANAN SENJATA RINGAN, RUANG KOMUNIKASI DAN PERUBATAN, SERTA KEMUDAHAN TAPAK PENDARATAN HELIKOPTER DAN BOT UNTUK KEGUNAAN PASUKAN PERLINDUNGAN KHAS (PPK) ATM. SELAIN ITU, KERJASAMA STRATEGIK TLDM-MISC YANG MENGGABUNGAN ANGGOTA TETAP ATM/TLDM BERSAMA PASUKAN SUKARELA DAN SIMPANAN TLDM-**

MISC TELAH MELAHIRKAN SUMBER MODAL INSAN YANG VERSATIL SEIRING KEPERLUAN PERTAHANAN MARITIM NEGARA DI SAMPING MEMBERI SUMBANGAN YANG SIGNIFIKAN KEPADA TLDM DAN KEPADA MISC BERHAD SENDIRI. DI SAMPING ITU JUGA, KERJASAMA STRATEGIK INI TELAH MENJADI TOPIK YANG DIBINCANGKAN DI DALAM PELBAGAI PERSIDANGAN DAN SIMPOSIUM TENTERA LAUT DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

7. SAYA PERCAYA, SEBAGAI SEBUAH NEGARA MARITIM, TLDM DAN SYARIKAT PERKAPALAN NASIONAL NEGARA, PERLU TERUS BEKERJASAMA SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN KEADAAN KESELAMATAN MARITIM NEGARA. BERPANDUKAN KEPADA ANCAMAN-ANCAMAN KESELAMATAN YANG TIMBUL, DITAMBAH PULA DENGAN PENINGKATAN KEJADIAN BENCANA ALAM, KERJASAMA DI ANTARA KEDUA-DUA BELAH PIHAK MELALUI KAPAL AUXILIARY TLDM BERKEMUNGKINAN TERUS DITAGIH DI MASA HADAPAN DALAM MELAKSANAKAN OPERASI *MILITARY OPERATIONS OTHER THAN WAR* SERTA MISI *HUMANITARIAN ASSISTANCE* DAN *DISASTER RELIEF* DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA. IA JUGA MENEPATI KONSEP PERTAHANAN MENYELURUH (HANRUH) YANG BOLEH DILAKSANAKAN MELALUI KERJASAMA DAN PENGLIBATAN SEMUA PERINGKAT DAN PIHAK SAMA ADA AWAM MAHUPUN SWASTA.

**PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

**8. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA MISC BERHAD ATAS SOKONGAN DAN KERJASAMA PADU YANG DIBERIKAN KEPADA TLDM KHASNYA DAN ATM AMNYA SELAMA INI. PENYERAHAN KAPAL AUXILIARY BUNGA MAS 5 KEPADA TLDM MERUPAKAN SUMBANGAN BESAR MISC DALAM MENINGKATKAN KESIAGAAN TLDM BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN PERAIRAN MARITIM NEGARA. SAYA BERHARAP KEJAYAAN ATM DAN MISC PADA HARI INI AKAN MENJADI KESINAMBUNGAN KEPADA KERJASAMA STRATEGIK SEDIA ADA, SERTA MEMBUKA PELUANG ATAU *AVENUE* KEPADA KERJASAMA STRATEGIK YANG LAIN DI PELBAGAI PERINGKAT SERTA MEMBUKA IDEA-IDEA BARU YANG MENGUNTUNGAN BUKAN SAHAJA KEDUA BELAH PIHAK, MALAH NEGARA. DI SAMPING ITU, SAYA JUGA BERHARAP IANYA AKAN MEMBERI KESEDARAN PENTINGNYA KESEMUA BADAN BERKANUN DAN BUKAN KERAJAAN SERTA RAKYAT JELATA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB BERSAMA DALAM MEMELIHARA KESELAMATAN DAN MELINDUNGI KEDAULATAN NEGARA DARIPADA SEBARANG ANCAMAN DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA.**

**9. AKHIR KATA, SAYA MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENJAYAKAN MAJLIS PENYERAHAN DAN PENERIMAAN KAPAL AUXILIARY TLDM BUNGA MAS 5 PADA HARI INI.**

**10. SEKIAN, SAYA SUDAH UCAPAN SAYA DENGAN LAFAZ,**

**اللّٰهُمَّ قُوَّةَ يَدَيْهِمْ لَوْ مَلَاسَلَاوْ مَكِيْلَاءَ تَمَحَّرُوْا اللّٰهَ بِتَاكْرِبُوْ**

**'SEDIA BERKORBAN'**